

07 NOV 2001

Gus Dur

DEMONSTRASI TAKUTKAN PELABUR DAN PELANCONG, KATA GUS DUR

PUTRAJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Bekas Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi bertukar-tukar pendapat mengenai perkembangan semasa termasuk tindakan ketenteraan Amerika Syarikat di Afghanistan.

Ketika ditemui kemudian, Abdurrahman berkata mereka juga membincangkan soal reaksi rakyat di kedua-dua negara termasuk dengan cara berdemonstrasi bagi menyatakan bantahan terhadap tindakan Amerika.

"Alhamdulillah di Malaysia tak ada demonstrasi besar-besaran mengenai masalah ini, ada satu dua sahaja. Kalau terlalu besar nanti orang takut melabur di sini, pelancong juga takut datang ke sini," kata Abdurrahman selepas pertemuan 45 minit itu yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri.

Abdurrahman, yang juga dikenali sebagai Gus Dur, berkata Dr Mahathir memberitahu beliau bahawa seharusnya tiada orang yang berasa senang dengan pengeboman itu tetapi reaksi kepada tindakan itu tidak harus berlebihan.

Beliau berkata bahawa di Indonesia, masalah demonstrasi terhadap pengeboman di Afghanistan bukan hanya terhadap Amerika Syarikat tetapi juga terhadap perkembangan dalam negeri sendiri.

"Jadi kerana itu di sana (Indonesia), kita melihat demonstrasi itu dengan kaca mata lain pula tidak seperti di sini," katanya.

Menurut Abdurrahman, kunjungan beliau terhadap Dr Mahathir adalah atas sifat rasa hormat beliau terhadap Perdana Menteri.

Beliau telah mengirim surat kepada Dr Mahathir baru-baru ini memberitahu akan menghadiri satu seminar di Langkawi pada Januari nanti dan ingin mengunjungi Perdana Menteri sebagai mengambil kesempatan acara itu.

Dr Mahathir dalam surat balasnya memberitahu Gus Dur beliau boleh mengunjunginya pada bila-bila masa.

Pada pertemuan itu, Gus Dur diiringi oleh anaknya Yenni dan Duta Indonesia ke Malaysia Hadi Wayarabi.

Beliau tiba pagi tadi bersama isterinya Sinta Nuriyah, dan dijadual berlepas pulang esok.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI